

# Sekolah Tahfiz: 6 syor dikemukakan

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 19 SEPT.**

**J**AWATANKUASA Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz hari ini mengeluarkan beberapa syor berkaitan isu sekolah tahfiz yang akan dibentangkan untuk perhatian Kabinet esok.

Jawatankuasa itu antara lain mengesyorkan pindaan ke atas Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bagi membolehkan pendaftaran institusi pendidikan Islam swasta termasuk sekolah tahfiz tertakluk kepada akta berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah itu adalah bagi memberi kuasa kepada Kerajaan

Persekutuan untuk menyelaras dari segi pentadbiran dan bantuan kewangan terhadap sekolah-sekolah tersebut.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan bertemu dengan kerajaan negeri bagi memaklumkan syor dan mendapatkan persetujuan pindaan akta memandangkan pengurusan sekolah berkenaan berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Syor ini juga akan dibawa dan dibincangkan pada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam petang ini yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Jika dipersetujui, cadangan ini akan dibentangkan pula pada mesyuarat Kabinet esok. Jika perlu dipinda, ia akan dibawa ke Dewan Rakyat untuk diluluskan,"

katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas memengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz di sini.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata, jawatankuasa berkenaan juga mengesyorkan agar diwujudkan kerangka kriteria kelulusan bagi pembentukan dan pengurusan maahad tahfiz seluruh negara dengan spesifikasi piawaian oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta agensi-agensi penguatkuasa.

Katanya, jawatankuasa tersebut turut mengesyorkan piawaian minimum terhadap setiap premis maahad tahfiz, rumah anak yatim, sekolah agama, ta-

dika, pusat penjagaan kanak-kanak dan orang tua.

"Kita juga akan menggalakkan penubuhan bomba sukarela di premis-premis tadi selain menyelaraskan pendaftaran maahad tahfiz antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini supaya tidak timbul soal prasangka pengambilan dan pertindihan kuasa antara kedua-dua pihak," katanya.

"Kita juga mengesyorkan supaya penubuhan bomba sukarela di setiap premis terbabit. Begitu juga cadangan kempen kesedaran secara besar-besaran.

"Kempen kesedaran secara besar-besaran turut dicadang dilaksanakan dan dikendalikan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bersama bomba dan pihak berkuasa tem-

patan," katanya.

Menurutnya, terdapat 941 maahad tahfiz swasta dengan keseluruhan 150,000 pelajar berdaftar dengan Persatuan Madrasah Tahfiz Malaysia ketika ini.

"Daripada jumlah itu, yang berdaftar dengan pihak berkuasa negeri dan Kementerian Pendidikan cuma 612 buah.

"Ini bermakna 329 maahad tahfiz tidak berdaftar atas alasan kluatir kononnya kerajaan negeri atau kerajaan Persekutuan mahu ambil alih (pusat) tahfiz mereka," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat turut bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Bersifat Kekal bagi memantau pengurusan sekolah agama rakyat, maahad tahfiz dan pondok agama di seluruh negara.



AHMAD ZAHID HAMIDI ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

## Perlu prosedur betul bina maahad tahfiz

**IPOH 19 Sept.** - Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menyarankan agar mana-mana pihak yang berminat untuk mendirikan maahad tahfiz supaya memohon kebenaran serta mendaftarkan premis masing-masing bagi memastikan tahap keselamatannya terjaga.

Beliau berkata, tuntutan mengikut prosedur yang betul juga perlu dipatuhi kerana ia turut dikehendaki dalam hukum syarak.

Malah katanya, orang Islam lain boleh turut sama menginfakkan harta mereka dalam membangunkan institusi tahfiz di negara ini.

"Memang dari segi syarak sebenarnya, patutnya tiada orang susah kerana banyak ayat (di dalam al-Quran) menyuruh kita supaya memberi sumbangan. Harta

dari segi fahaman Islam, hanya pinjaman.

"Jadi apabila pinjaman, tidak perlu kita bayar hutang kepada Tuhan, sebaliknya dengan membelanjakannya pada jalan Allah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Ke-200 di Kompleks Islam Darul Ridzuan di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai insiden yang mengorbankan sejumlah 23 individu dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dalam pada itu, Harussani berkata, bagi mereka yang meninggal dunia ketika bersalin, menuntut

ilmu atau ketika berusaha mencari nafkah, ia dipanggil sebagai syahid akhirat.

"Syahid akhirat ini bermakna ia mendapat pahala yang besar di sisi Allah tetapi diuruskan seperti jenazah biasa iaitu dia dimandikan, dikafankan, disembahyangkan serta dikuburkan.

"Jadi yang meninggal dunia melibatkan maahad tahfiz baru-baru ini, mereka mati dalam menuntut ilmu. Oleh itu, mereka dianggap mati syahid akhirat jika benar-benar ikhlas menuntut ilmu," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya tidak bersangka buruk mahupun mempersendakan insiden berkenaan sebaliknya mendoakan yang terbaik.

### 6 SYOR

### Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz

- ✓ Syor pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) untuk memasukkan soal pendaftaran sekolah agama swasta.
- ✓ Syor wujud kerangka kriteria kelulusan bagi pembentukan dan pengurusan maahad tahfiz seluruh negara dengan spesifikasi piawaian oleh pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta lain-lain agensi penguatkuasaan.
- ✓ Syor pematuan piawaian minimum keselamatan dan kesihatan setiap premis maahad tahfiz termasuk juga rumah anak yatim, sekolah agama, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua.
- ✓ Syor penubuhan bomba sukarela di premis tahfiz, sekolah agama, tadika pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua.
- ✓ Syor pendaftaran maahad tahfiz diselaraskan antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya tidak timbul soal prasangka pengambilan dan pertindihan kuasa antara kedua-dua pihak.
- ✓ Syor pengawalan dan tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan Persekutuan untuk menyelaraskan pentadbiran dan penyaluran kewangan jika perlu kepada sekolah tahfiz.